

**Titah KDYMM sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-60**

**TITAH  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI  
WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA SAMBUTAN  
HARI ULANG TAHUN JUBLI INTAN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA  
BRUNEI YANG KE-60**

**PADA HARI ISNIN  
19 SYAWAL, 1442 / 31 MEI, 2021**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sama-sama hadir pada hari ini bagi meraikan Sambutan Jubli Intan 60 tahun penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Usia enam dekad penubuhan ABDB amatlah bermakna selaku sebuah institusi pertahanan.

Dalam usia sepanjang itu, ABDB dilihat sentiasa siap sedia untuk memelihara keamanan dan kedaulatan negara, disamping mampu untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan, sebagaimana terserlah dalam penampilan perbarisan yang bermutu pada pagi ini.

Mengambil sukut yang bersejarah ini, dan juga sebagai tanda pengiktirafan terhadap segala pencapaian ABDB selama ini, maka Beta dengan amat sukacita mengurniakan **Pingat Jubli Intan**

kepada anggota-anggota ABDB, termasuk sebilangan mantan pemimpin yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan perkembangan ABDB.

Sejak penubuhannya, ABDB turut menghadapi arus perubahan landskap geo-strategik, yang sekali gus menampilkan pelbagai cabaran. Selain dari cabaran tradisional, ABDB juga turut berhadapan dengan cabaran bukan tradisional, seperti contohnya, berdiri teguh membantu kerajaan bagi membendung pandemik coronavirus.

Untuk melihat ABDB sentiasa melangkah ke hadapan, maka bersempena dengan hari ulang tahun ke 60 tahun ini, Beta dengan sukacita memperkenankan pelancaran **Kertas Putih Pertahanan 2021** serta perancangan perkembangan keupayaan masa panjang ABDB yang dinamakan FORCE 2035. Beta berharap dengan pelancaran dasar pertahanan dan blue print keupayaan ini, ABDB akan terus berkembang dengan lebih terarah.

Pada masa yang sama, sebagai sebuah Angkatan Bersenjata yang mempunyai anggota dalam jumlah masih kecil, maka ABDB patut memanfaatkan aplikasi teknologi dalam usaha meningkatkan keupayaannya. Pengenalan *Unmanned Aerial System (UAS)* dalam masa terdekat ini adalah salah satu contoh pendekatan teknologi yang menjurus kepada peningkatan keupayaan atau *force multiplier*. Pengenalan keupayaan seperti ini disamping dapat mengukuhkan pertahanan negara, secara langsung juga mampu untuk meningkatkan kemahiran ABDB dalam penggunaan teknologi.

Beta ingin mengingatkan supaya ABDB sentiasa sensitif dan responsif terhadap perkembangan semasa. Pada masa ini, dunia banyak menerima manfaat dari teknologi siber. Namun jangan lupa, bahawa ia juga boleh jadi ancaman kepada keselamatan manakala berlakunya serangan yang dinamakan serangan siber. Oleh itu Beta berharap, penubuhan *Cyber Defence Unit* akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan menangani ancaman dan sekali gus memperkukuhkan pertahanan siber.

Selain daripada keupayaan tentera dan siber, Beta juga yakin bahawa sumber tenaga manusia adalah tunggak utama dalam Angkatan Bersenjata. Oleh itu, sangatlah penting bagi ABDB mempunyai anggota-anggota yang berkualiti, yang mengamalkan empat (4) nilai teras ABDB iaitu, Profesional, Setia, Berani dan Takwa. Maka dengan ini Beta sukacita memperkenankan bagi Jabatan Agama ABDB (JAMAAT) untuk dinaiktaraf dari peringkat unit ke peringkat Jabatanarah.

Dalam hal berkaitan kerjasama serantau, Beta juga turut gembira dengan usaha Kementerian Pertahanan dan ABDB dalam mengekalkan Diplomasi Pertahanan dan kerjasama serantau dalam rangka kerja ASEAN, terutama sekali selaku negara menjadi Tuan Rumah ASEAN pada tahun ini, khususnya di bawah *ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)* dan *ASEAN Chiefs of Defence Forces' Meeting (ACDFM)*. Beta juga berharap agar inisiatif *ASEAN Military Exercise (AMX)* yang telah dipersetujui semasa Persidangan ACDFM baru-baru ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat

Dalam kesempatan ini, Beta juga ingin menzahirkan rasa bangga terhadap penglibatan ABDB dalam misi-misi pengaman dan pemantau melalui *United Nations Interim Force in Lebanon, International Monitoring Team* dan *International Decommissioning Body* di Republik Filipina

serta penugasan di dalam *Information Fusion Centre* dan *Counter Terrorism Information Facility* di Republik Singapura. Penglibatan ini merupakan komitmen berterusan negara dalam meningkatkan keselamatan serantau dan antarabangsa.

Akhirnya, Beta dengan ikhlas mengucapkan tahniah kepada seluruh warga ABDB yang berada di dalam atau di luar negara, yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara. Syabas kepada mereka yang menyertai perbarisan pagi ini dan seluruh ahli Jawatankuasa serta semua yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Intan ABDB. Beta berdoa semoga kita semua sentiasa dalam iman dan perlindungan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Tidak lupa juga dirafa'kan doa untuk anggota-anggota yang telah kembali ke rahmatullah, semoga roh-roh mereka sentiasa di dalam rahmat-Nya. Aamiin Ya Rabbal 'Aalamiin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.